

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 4/2010**

#### **GARIS PANDUAN MENGENAI PEROLEHAN HARTANAH OLEH KEPENTINGAN TEMPATAN DAN ASING**

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 4/2010 yang bersidang pada 24 Februari 2010 telah meluluskan pemakaian Garis Panduan Baru Mengenai Perolehan Hartanah Oleh Kepentingan Tempatan Dan Asing melalui Kertas Bilangan 4/429/2010(65).

2. Garis panduan baru yang diperkenalkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bertujuan untuk meminda had minima perolehan harta tanah oleh pemilikan asing sebagaimana garis panduan asal yang berkuatkuasa pada 1 November 2006 dan diterima pakai di Negeri Kelantan melalui Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bil. 1/2007.
3. Pindaan ini melibatkan kenaikan had minima perolehan unit komersil, tanah industri dan tanah pertanian kepada RM 500,000.00. Manakala bagi perolehan unit kediaman bernilai RM 250,000.00 dan ke atas, nilai had minima unit kediaman ini dinaikkan ke paras RM 500,000.00 bermula 1 Januari 2010.
4. Peningkatan nilai had minima ini bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan pembangunan harta tanah dan perumahan bertaraf tinggi (*high-end*) disamping memberi lebih banyak peluang kepada warganegara Malaysia untuk memiliki unit kediaman bernilai di bawah RM 500,000.00. Kandungan lengkap Garis Panduan Perolehan Hartanah yang diluluskan pemakaianya oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 4/2010 dan digunakan pada masa kini adalah sebagaimana Lampiran.

5. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bil. 1/2007 dibatalkan.

**(DATO' HAJI ISMAIL BIN SAMAH)**

Pengarah Tanah dan Galian  
Kelantan

**KEPADA :**

Yang Amat Berusaha / Yang Mulia,  
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Seri Setia Raja Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU  
KELANTAN.**

**FAIL : PTG.KN.44/85 JLD.3(9)  
BERTARIKH : 19 RAMADHAN 1431H  
29 OGOS 2010.**